

21 FEB 1997

Annuar - Konvensyen

PERDANA MENTERI RASMI KONVENSYEN UMNO KELANTAN

KOTA BAHARU, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Konvensyen UMNO Kelantan yang akan diadakan selama dua hari pada April depan.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Annuar Musa berkata, lebih 5,400 jentera parti peringkat negeri dan bahagian akan menyertai konvensyen itu yang dijangka diadakan di Pantai Cahaya Bulan di sini.

"Agenda yang akan dibincangkan dalam konvensyen itu merangkumi soal pentadbiran dan cara untuk mewujudkan matlamat yang lebih jelas dan kaedah menambat hati rakyat Kelantan terhadap UMNO," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan penyelia KEMAS bahagian Peringat di Seri Puri, Bukit Marak dekat sini, hari ini.

Annuar berkata agenda lain merangkumi soal keyakinan dan disiplin diri yang diambil kira daripada keputusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Pulai Chondong bulan lepas apabila Barisan Nasional tewas.

Bagi memantapkan lagi jentera parti UMNO, sebanyak 300 kursus secara insentif akan diperkenalkan kepada anggota jentera pilihan raya itu selepas konvensyen berkenaan.

Katanya, mulai bulan depan jawatankuasa penerangan UMNO Kelantan yang diketuai oleh Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir akan mengadakan ceramah setiap minggu selama lima bulan di seluruh negeri ini.

Beliau berkata, anak Kelantan yang berada di luar negeri ini akan turut membantu gerakan berkenaan terutamanya untuk memberi bimbingan dan latihan kepada penceramah.

Selain itu, pakar psikologi juga akan turut diundang memberi khidmat nasihat kepada penceramah supaya aktiviti gerakan itu benar-benar berkesan dan sesuai dengan kehendak rakyat negeri ini.

-- BERNAMA

WM FAZ